

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020

**“Memperkukuh Keyakinan,
Merangsang Pertumbuhan,
Melindungi Pekerjaan”**

**27 FEBRUARI 2020
PUTRAJAYA**



PERDANA MENTERI MALAYSIA

PRAKATA

Prospek ekonomi global yang perlahan akibat konflik perdagangan yang berpanjangan antara Amerika Syarikat dan China, semakin terjejas berikutan penularan wabak Koronavirus 2019 (COVID-19) yang bermula pada awal tahun 2020. Malaysia sebagai rakan dagangan China turut menerima kesan negatif penularan wabak ini. Akibatnya, Malaysia mengalami penurunan ketara bilangan kedatangan pelancong terutamanya daripada China yang menjejaskan industri perlancongan negaraserta sektor berkaitan. Keadaan ini sekiranya tidak ditangani akan mempengaruhi prestasi ekonomi negara secara keseluruhannya.

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi mendepani kesan COVID-19 untuk memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Pakej rangsangan ini mempunyai tiga strategi utama iaitu pertama, menangani impak COVID-19; kedua, memangkin pertumbuhan berteraskan rakyat; dan ketiga, menggalakkan pelaburan berkualiti. Antara langkah khusus termasuk memperbaiki aliran tunai perniagaan yang terjejas, merangsang penggunaan dan perbelanjaan swasta serta menggiatkan aktiviti pelaburan domestik. Melalui langkah ini, Kerajaan yakin perniagaan yang terjejas akan dapat meneruskan operasi, aktiviti ekonomi domestik akan semakin rancak dan seterusnya mengekalkan pekerjaan dalam sektor yang berkaitan.

Bagi memastikan keberkesanan pakej rangsangan yang dirangka, sektor swasta hendaklah turut sama mengambil tanggungjawab dan memainkan peranan untuk merencanakan semula ekonomi negara. Langkah ini akan meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi dan meletakkan ekonomi negara pada landasan yang lebih kukuh. Saya percaya usaha kolektif antara Kerajaan dengan pihak swasta akan dapat membawa negara mengharungi tempoh yang mencabar ini seterusnya menjadikan ekonomi negara lebih kukuh, berdaya tahan dan berdaya saing.



**DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
PUTRAJAYA
27 FEBRUARI 2020**

“MEMPERTEGUH KEYAKINAN, MEMPERKUKUH PERTUMBUHAN, MELINDUNGI PEKERJAAN”

PENDAHULUAN

Prospek ekonomi global kini terjejas oleh pelbagai ketidakpastian yang berlarutan sejak tahun 2018, yang disebabkan oleh banyak gangguan, terutamanya konflik perdagangan yang berlarutan antara Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (China), yang mengalami kemerosotan prestasi perdagangan sejak 2018. Suasana ketidaktentuan ini menjadi semakin mencabar dengan penularan wabak COVID-19 bermula pada awal tahun 2020 yang telah menjejaskan pelbagai negara, terutama di rantau ini.

2. Keadaan ini telah menyebabkan Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi paling rendah pada tahun 2019 dengan kadar 4.3% selepas krisis kewangan global 2009. Ini jua disebabkan oleh prestasi dagangan yang lebih perlahandan gangguan bekalan sector komoditi domestik.

3. Pada tahun 2003, Malaysia telah melalui keadaan yang hampir sama dengan Koronavirus 2019 (COVID-19) iaitu Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS). SARS telah menjejaskan pertumbuhan industri pelancongan di Malaysia dimana jumlah pelancong ke Malaysia mencatat penurunan yang amat ketara. Oleh itu, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2003 berjumlah RM7.3 bilion untuk mengurangkan kesan wabak SARS.

4. Akan tetapi, kesan wabak COVID-19 dijangka lebih meluas berbanding SARS kerana integrasi ekonomi domestik yang lebih erat dengan China. Sektor yang dijangka menerima kesan yang paling ketara adalah sektor pelancongan dan pembuatan. Oleh, dua matlamat utama Pakej Rangsangan Ekonomi ini adalah untuk mengatasi kesan virus COVID-19 dan memberi sokongan tambahan untuk isi rumah dan perniagaan bagi terus menjana aktiviti ekonomi. Maklumat terperinci mengenai strategi dan langkah yang berkaitan akan dihurai seperti berikut:

STRATEGI I:

MENANGANI IMPAK COVID-19 (18 LANGKAH);

STRATEGI II:

**MEMANGKIN PERTUMBUHAN BERTERASKAN RAKYAT
(5 LANGKAH); DAN**

STRATEGI III:

**MENGGALAKKAN PELABURAN BERKUALITI
(9 LANGKAH)**

STRATEGI I: MENANGANI IMPAK COVID-19

5. Berikutan penularan wabak COVID-19, jumlah kedatangan pelancong antarabangsa telah menyusut. Ini menyebabkan prestasi kewangan dan aliran tunai perniagaan domestik terutamanya industri berkaitan pelancongan dan peruncitan terjejas. Oleh yang demikian, langkah yang dirangka akan menumpukan kepada membantu aliran tunai perniagaan yang terjejas, merangsang permintaan untuk sector pelancongan dan membantu individu terkesan.

LANGKAH 1: PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA PINJAMAN PERNIAGAAN

6. Bagi mengurangkan beban kewangan peminjam yang terlibat dalam industri berteraskan pelancongan serta perniagaan lain yang turut terjejas, semua institusi kewangan akan memberi kemudahan kepada peminjam yang berdaya maju dalam bentuk penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman termasuk penangguhan pembayaran. Kemudahan ini akan turut ditawarkan kepada individu yang mempunyai pinjaman dan terjejas pendapatan mereka. Bank Negara Malaysia (BNM) akan memastikan semua institusi kewangan menyediakan bantuan sewajarnya kepada syarikat yang benar-benar terjejas.

7. Pengecualian duti setem 100% akan diberikan atas perjanjian penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman perniagaan antara peminjam dan institusi kewangan tertakluk kepada syarat perjanjian pinjaman asal yang telah dimeterai. Pengecualian ini diberikan bermula 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

LANGKAH 2: BANTUAN KEMUDAHAN KHAS (SRF) UNTUK COVID-19

8. BNM akan menyediakan dana Kemudahan Bantuan Khas berjumlah RM2 bilion dengan kadar pembiayaan 3.75% setahun untuk membantu aliran tunai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas. Pinjaman ini akan disokong dengan jaminan pembiayaan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sehingga 80% daripada jumlah pinjaman dengan bayaran yuran konsesi 0.5% setahun. Di bawah SRF, tempoh pinjaman ditawarkan sehingga 5.5 tahun termasuk penangguhan bayaran sehingga 6 bulan dan jumlah pinjaman maksimum RM1 juta bagi setiap PKS.

LANGKAH 3: KEMUDAHAN KREDIT MIKRO BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

9. Khusus bagi peniaga kecil, BSN akan menawarkan skim kredit mikro berjumlah RM200 juta pada kadar 4% untuk syarikat dalam sektor pelancongan dan lain-lain sektor yang terjejas. Bayaran balik ansuran hanya bermula selepas 6 bulan pinjaman disalurkan.

LANGKAH 4: PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN DAN SEMAKAN SEMULA ANGGARAN CUKAI PENDAPATAN

10. Perniagaan yang tertakluk kepada bayaran ansuran bulanan cukai pendapatan di bawah industri pelancongan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan diberikan penangguhan bayaran ansuran cukai selama enam (6) bulan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Perniagaan lain yang turut terjejas dengan perkembangan ekonomi semasa juga diberi kebenaran untuk meminda anggaran cukai yang kena dibayar pada bulan ketiga ansuran jika bulan ketiga ansuran tersebut jatuh dalam tahun 2020.

LANGKAH 5: PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK HOTEL

11. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang disediakan oleh hotel seperti yang didefinisikan sebagai operator premis penginapan seperti ditetapkan di dalam Kumpulan A, Jadual Pertama, Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah dikecualikan bagi tempoh enam (6) bulan bermula 1 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020.

LANGKAH 6: POTONGAN CUKAI KE ATAS PERALATAN YANG DIBEKALKAN KEPADA PEKERJA (PPE sahaja)

12. Perbelanjaan oleh syarikat kepada pekerja ke atas peralatan perlindungan diri (*Personal Protective Equipment – PPE*) pakai buang seperti topeng muka layak mendapat potongan cukai di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967. Manakala perbelanjaan bagi PPE bukan pakai buang layak dituntut sebagai elaun modal.

LANGKAH 7: POTONGAN CUKAI TAMBAHAN KEPADA PENGENDALI HOTEL UNTUK PERBELANJAAN LATIHAN

13. Syarikat digalakkan untuk menghantar pekerja bagi mengikuti latihan dalam kursus berkaitan industri pelancongan, pengendali hotel atau pengendali pengembaraan pelancongan yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan menuntut insentif potongan cukai dua kali yang sedia ada.

LANGKAH 8: PENGECUALIAN LEVI TABUNG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (HRDF)

14. Bagi membantu mengurangkan beban aliran tunai syarikat yang terjejas akibat COVID-19, levi tabung HRDF akan dikecualikan selama 6 bulan berkuat kuasa 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Pengecualian ini akan meliputi lapan (8) kategori perniagaan iaitu perjalanan udara, pengangkutan darat domestik, pusat konvensyen, pusat membeli-belah, agensi pengembaraan pelancongan, hotel, francais & pasar raya besar.

LANGKAH 9: DISKAUN BIL ELEKTRIK SEBANYAK 15% DAN REBAT MAHB

15. Bagi meringankan lagi kesan negatif COVID-19 ke atas perniagaan, diskaun khas sebanyak 15% ke atas jumlah bil elektrik bagi tempoh enam (6) bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 akan diberikan kepada enam (6) kategori perniagaan iaitu pengendali hotel, agensi pengembaraan pelancongan, pejabat syarikat penerbangan tempatan, kompleks membeli belah, pusat konvensyen dan taman tema. Disamping itu, Malaysia Airport Berhad Berhad (MAHB) akan mengurangkan kadar sewa premis kepada penyewa di lapangan terbang, dan juga akan mengurangkan caj pendaratan dan parkir

LANGKAH 10: PENAMBAHBAIKAN SYARAT PEMBELIAN BARANGAN BEBAS CUKAI BAGI MANA-MANA ORANG YANG MEMASUKI MALAYSIA

16. Perniagaan peruncitan di lapangan terbang antarabangsa turut terjejas berikutan bilangan kedatangan pelancong yang berkurang. Oleh itu, syarat tempoh kelayakan bagi pembelian barangan bebas cukai oleh pelancong/individu yang memasuki Malaysia dikurangkan daripada 72 jam kepada 48 jam dan nilai ambang barangan bebas cukai dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000 bermula 1 April 2020. Had nilai ambang ini adalah bagi barang selain daripada yang telah tersedia layak mendapat pengecualian, mengikut had yang ditetapkan seperti minuman keras, rokok, pakaian, kasut, makanan dan barangan elektrik penjagaan diri.

Langkah ini dilaksanakan hanya di kedai bebas cukai di lapangan terbang antarabangsa sahaja

LANGKAH 11: PELEPASAN KHAS CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU UNTUK PELANCONGAN DOMESTIK

17. Bagi menggalakkan pelancongan domestik, pelepasan khas cukai pendapatan sehingga RM1,000 diberikan kepada individu untuk perbelanjaan melancong dalam negara yang dibuat bagi tempoh 1 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020 terhad kepada:

- i) Perbelanjaan penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC); dan
- ii) Bayaran tiket masuk ke pusat tarikan pelancong.

LANGKAH 12: BAUCER DISKAUN UNTUK MENINGKATKAN PELANCONGAN DAN PENERBANGAN DOMESTIK NEGARA

18. Bagi merangsang permintaan untuk sektor pelancongan, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM500 juta untuk langkah berikut:

- i) Baucer diskaun pelancongan
Kerajaan akan bekerjasama dengan syarikat pemilik portal bagi penempahan tiket penerbangan, hotel dan taman tema dengan menawarkan baucer diskaun sehingga RM100 seorang. Baucer ini bertujuan untuk merangsang percutian dalam negeri. Kerajaan juga

menggalakkan syarikat yang terlibat untuk mengambil kesempatan ini dengan menawarkan ganjaran tambahan kepada para pelanggan mereka juga. Baucer diskaun ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula bulan Mac 2020.

- ii) Geran padanan Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN)
GAMELAN telah dilaksanakan mulai 2019 dengan objektif untuk meningkatkan jumlah ketibaan pelancong melalui kerjasama promosi pelancongan melibatkan sektor awam swasta. Bagi mengoptimumkan peruntukan RM60 juta yang telah diluluskan, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) akan melonggarkan syarat untuk penggunaan geran padanan bagi aktiviti promosi Tahun Melawat Malaysia 2020.

- iii) Promosi pelancongan
Dengan jangkaan penurunan jumlah pelancong daripada China, LPPM akan menggandakan promosi di pasaran utama merangkumi negara dari ASEAN, Asia Barat, Eropah dan Asia Selatan. Oleh itu, peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta akan disediakan kepada LPPM sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada RM90 juta bagi Tahun Melawat Malaysia 2020.

LANGKAH 13: PENGANJURAN ACARA RASMI KERAJAAN DI HOTEL

19. Pada masa ini, Pekeliling PB 3.1 “Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan” menetapkan bahawa penggunaan hotel bagi acara rasmi Kerajaan hendaklah dihadkan dan penganjuran acara tersebut hendaklah mengutamakan di bangunan Kerajaan dan pusat latihan awam. Bagi tahun 2020, Kerajaan akan melonggarkan pekeliling PB 3.1 ini dengan membenarkan acara rasmi Kerajaan diadakan di hotel, namun tertakluk kepada peruntukan sedia ada.

LANGKAH 14: SISTEM INSURANS PEKERJAAN

20. Sekira berlakunya kehilangan pekerjaan, dana Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) mampu membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan dana

sebanyak RM1.1 bilion. Bagi memanfaatkan lebih ramai individu, SIP akan melonggarkan syarat kelayakan bagi pekerja yang hilang pekerjaan daripada sektor yang terjejas dengan antara lain mengecualikan tempoh minima caruman selama tiga (3) bulan. Di samping itu, bagi tahun 2020, siling bagi yuran latihan di bawah SIP juga akan ditingkatkan daripada RM4,000 to RM6,000 dan pemberian elaun latihan sebanyak RM30 sehari kepada pelatih.

LANGKAH 15: TABUNG LATIHAN KEMAHIRAN

21. Dalam situasi kelembapan permintaan akibat COVID-19, sektor yang terjejas perlu mengambil peluang untuk membangunkan modal insan tenaga kerja mereka agar dapat bersedia untuk mengambil peluang setelah berlakunya pemulihan keadaan daripada COVID-19. Oleh itu, Kerajaan dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) akan menyediakan geran padanan berjumlah RM100 juta dengan kadar nisbah satu kepada satu. Jumlah dana sebanyak RM200 juta ini akan memberi manfaat kepada 40,000 pekerja. Penggunaan dana ini akan mengutamakan latihan bagi sektor yang terkesan oleh COVID-19, merangkumi hotel, pelancongan dan peruncitan. Dana ini juga terbuka kepada sektor lain seperti elektrik dan elektronik dan pengilangan automatif.

22. Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta sebagai subsidi bagi membiayai kursus jangka pendek, terutama dalam bidang kemahiran digital. Kursus yang ditawarkan turut merangkumi kursus secara atas talian bagi bidang seperti pengkodan, promosi digital dan sains data. Ini akan memanfaatkan sekurang-kurangnya 100,000 rakyat.

23. Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk membiayai kursus jangka pendek yang akan diadakan di 13 pusat pembangunan kemahiran negeri. Pembiayaan ini akan memfokuskan kepada Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) dan bakal memanfaatkan lebih daripada 1,600 pelatih yang bekerja dengan syarikat pengilangan.

24. Selain itu, untuk mempertingkatkan kerjasama industri antara Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan industri, ILKA digalakkan untuk mengadakan kursus

jangka pendek dengan kerjasama pihak industri. Akaun amanah ILKA boleh digunakan untuk mengutip yuran kursus dan membayar perbelanjaan berkaitan termasuk pembelian bahan guna habis serta turut boleh digunakan untuk pengambilan tenaga pengajar dari industri.

LANGKAH 16: INSENTIF TUNAI SECARA *ONE-OFF* RM600 KEPADA PEMANDU TEKSI, BAS PELANCONG &PEMANDU PELANCONG

25. Kerajaan akan menyediakan insentif tunai secara *one-off* sebanyak RM600 pada bulan April 2020 kepada setiap pemandu teksi, pemandu bas pelancongan, pemandu pelancong dan penarik beca yang aktif dan berdaftar pada 31 Disember 2019. Insentif ini akan memberi manfaat kepada hampir 29,000 pemandu teksi, 6,000 pemandu bas pelancongan dan 17,000 pemandu pelancong dan penarik beca.

LANGKAH 17: ELAUN KHAS BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT MENANGANI COVID-19

26. Penjawat awam yang secara langsung terdedah kepada risiko coronavirus dalam melaksanakan tugas akan diberi elaun khas sebanyak RM400 sebulan untuk doktor dan juga kakitangan perubatan lain manakala RM200 bagi lain-lain kakitangan termasuk pegawai imigresen di pintu masuk yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan membendung wabak ini. Elaun ini dibayar berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020 sehingga wabak COVID-19 berakhir. Dianggarkan seramai 17,000 pekerja akan mendapat manfaat.

LANGKAH 18: KEMENTERIAN KESIHATAN (KKM) – LANGKAH MENANGANI COVID-19

27. Kerajaan akan memastikan sumber yang mencukupi disediakan untuk memenuhi keperluan kesihatan dan keselamatan dalam pengurusan serta pengawalan wabak COVID-19. Peruntukkan sebanyak RM150 juta telah diluluskan untuk menyediakan pengimbas termal di pintu masuk serta peralatan lain dan bahan yang telah dikenal pasti oleh KKM.

STRATEGI II: MEMANGKIN PERTUMBUHAN BERTERASKAN RAKYAT

28. Strategi kedua memberikan tumpuan kepada 2 objektif utama iaitu meningkatkan perbelanjaan isi rumah dan projek berteraskan rakyat di seluruh Malaysia.

LANGKAH 19: CARUMAN PEKERJA DI BAWAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

29. Bagi tempoh sembilan (9) bermula 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2020, caruman pekerja minimum KWSP akan dikurangkan sebanyak 4%, iaitu daripada 11% kepada 7%. Walau bagaimanapun, ahli KWSP mempunyai pilihan untuk terus mencarum pada kadar yang lebih tinggi. Langkah ini berpotensi untuk mengekalkan RM10 bilion di tangan pencarum.

LANGKAH 20: BANTUAN SARA HIDUP (BSH)

30. Sejalan dengan hasrat kemakmuran bersama, Kerajaan akan menambah baik BSH seperti berikut:

- i) Mengawalkan bayaran BSH sebanyak RM200 yang dijadualkan pada bulan Mei 2020 untuk dibayar pada bulan Mac 2020;
- ii) Menambahkan lagi bayaran tunai sebanyak RM100 secara *one-off* kepada semua penerima BSH pada bulan Mei 2020; dan
- iii) Ditambahkan lagi RM50 yang akan disalurkan secara e-Tunai.

LANGKAH 21: AGROMAKANAN

31. BNM akan menambah skop penggunaan dana agromakanan berjumlah RM1 bilion untuk SME yang terlibat dalam pengeluaran makanan meliputi perbelanjaan modal sebagai tambahan kepada modal kerja. Dana akan ditawarkan bagi tempoh maksimum 8 tahun, kadar pembiayaan 3.75% dan sebanyak RM5 juta setiap SME.

32. Sebagai tambahan Kerajaan akan menyediakan RM40 juta bagi membantu meningkatkan pendapatan pengusaha kecil yang terlibat dalam pertanian dan pengeluaran makanan, melalui inisiatif seperti berikut:

- i) Mewujudkan rangkaian kemudahan penyimpanan makanan yang lebih luas oleh FAMA untuk menstabilkan turun naik barangan makanan disebabkan gangguan bekalan;
- ii) Geran untuk menggalakkan usahawan tempatan untuk memasarkan produk mereka pada platform e-dagang; dan
- iii) Memperluaskan kejayaan Program Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) ke lebih banyak Pusat Rural Internet.

LANGKAH 22: PROJEK BERSKALA KECIL SELURUH NEGARA

33. Kerajaan juga kekal dalam memastikan rakyat di bandar, kawasan pinggir bandar dan luar bandar sentiasa menikmati kemudahan infrastruktur yang baik dengan menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur asas yang mencukupi seperti jalan raya, jambatan, lampu jalan, saliran dan bekalan air luar bandar. Kerajaan memperuntukkan hampir RM2 bilion bagi projek yang akan dilaksanakan oleh pelbagai peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Projek-projek kecil ini akan memberi manfaat kepada kontraktor bumiputera dan kecil yang akan merangsang aktiviti ekonomi di samping memastikan pelaksanaan projek dengan segera. Senarai projek kecil yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Memperkenalkan semula projek-projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Infrastruktur Asas (PIAS) serta Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) dengan peruntukan berjumlah RM350 juta;
- ii) Peruntukan tambahan berjumlah RM250 juta untuk penyelenggaraan jalan persekutuan akan dilaksanakan oleh kontraktor baru melalui tender terbuka yang dijalankan oleh Syarikat-syarikat Konsesi dan wakil Kerajaan (Kementerian Kerja Raya) di mana kos projek akan berdasarkan *Standard*

Rate (SOR) yang ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi. RM50 juta juga diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan cerun;

- iii) Peruntukan khas kepada Kementerian Pendidikan berjumlah RM100 juta diperuntukkan bagi memelihara kebersihan persekitaran sekolah dan membantu pelajar menjaga kebersihan diri. Inisiatif akan diperluaskan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) melalui konsep gotong royong. Sejumlah RM100 juta lagi diperuntukkan bagi keperluan pembelian peralatan, perabot dan kelengkapan asrama sekolah;
- iv) Peruntukan RM150 juta kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, untuk disalurkan kepada semua pihak berkuasa tempatan bagi menjalankan penyelenggaraan infrastruktur awam tempatan, termasuk memastikan kebersihan tapak pelancongan;
- v) Pembaikan dan penyelenggaraan projek perumahan dan kemudahan awam di kawasan FELDA dengan peruntukan berjumlah RM200 juta;
- vi) Peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melaksanakan pembaikan jalan sambungan luar bandar dan juga penyelenggaraan infrastruktur luar bandar yang berkaitan dengan bekalan air alternatif dan elektrik;
- vii) Peruntukan RM100 juta untuk menjalankan kerja pembaikan dan penyelenggaraan di Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) termasuk mengecat semula dan menyelenggara lif. Ini bagi memastikan penduduk kawasan perumahan kos rendah menikmati persekitaran yang bersih dan selamat;
- viii) Peruntukan RM50 juta kepada MARA untuk melaksanakan kerja membaik pulih premis perniagaan yang akan memanfaatkan usahawan Bumiputera, terutamanya untuk peniaga kecil luar bandar. Kerja penyelenggaraan adalah seperti untuk premis perniagaan termasuk menggantikan paip, kerja elektrik dan mengecat semula premis;

- ix) Melaksanakan projek sosial untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin dan golongan yang kurang bernasib baik dengan peruntukan sebanyak RM25 juta. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk kaedah geran padanan yang sesuai dan pelaksanaan projek-projek yang dikenal pasti seperti program penjanaaan pendapatan bagi meningkatkan mata pencarian dan meningkatkan kualiti hidup seperti menyediakan projek sumber air alternatif. Pelaksanaan adalah bertujuan untuk menggalakkan kesukarelawanan dan meningkatkan kerjasama dengan NGO dan perusahaan sosial;
- x) Peruntukan sebanyak RM25 juta untuk kerja penyelenggaraan kemudahan sedia ada di pusat KEMAS seluruh negara. Ini bagi memastikan persekitaran yang selesa untuk belajar;
- xi) Peruntukan berjumlah RM50 juta bagi pembaikan dan penyelenggaraan jeti, jalan pengairan / perladangan pengairan dan peralatan MAQIS;
- xii) Peruntukan berjumlah RM50 juta bagi membaikpulih kolam takungan baiki dan naik taraf ban, tebing dan sungai seluruh negara;
- xiii) Peruntukan berjumlah RM50 juta bagi penyelenggaraan rumah keluarga angkatan tentera (RKAT)/kuarters/bangunan teknikal;
- xiv) Peruntukan sebanyak RM75 juta untuk penganjuran acara sukan, menaik taraf dan membaik pulih kemudahan dan gelanggang sukan di seluruh negara;
- xv) Peruntukan sebanyak RM40 juta bagi penyelenggaraan bangunan di bawah bahagian pengurusan hartanah; dan
- xvi) Projek Mesra Rakyat yang berjumlah RM185 juta.

LANGKAH 23: MEMUDAHKAN TATACARA PEROLEHAN

34. Kerajaan sedang mengkaji semula perolehan untuk mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti perniagaan melalui penambahbaikan proses peningkatan proses perolehan semasa dengan meningkatkan nilai ambang untuk:

- i) Kaedah cabut undi daripada RM50,000 ditingkatkan kepada RM100,000; dan
- ii) Kaedah sebut harga daripada RM500,000 ditingkatkan kepada RM800,000.

35. Kerajaan juga mengoptimumkan peruntukan penyelenggaraan jalan raya untuk jalan-jalan persekutuan dan keperluan penyelenggaraan lain yang dikenalpasti berjumlah RM500 juta sebagai sebahagian melalui kelonggaran garis panduan Sistem Jalan Persekutuan Malaysia (MARRIS).

STRATEGI III: MENGGALAKKAN PELABURAN BERKUALITI

36. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi, penggunaan swasta perlu dilengkapi aktiviti pelaburan yang cergas. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan memainkan peranan melalui pelaburan awam dan menyediakan insentif untuk menggalakkan pelaburan swasta berkualiti.

LANGKAH 24: MERANCAKKAN PELABURAN AWAM

37. Untuk mengoptimumkan dan mempercepatkan pelaburan awam, Kerajaan akan:

- i) memastikan peruntukan bagi projek pembangunan disalurkan kepada agensi pelaksana pada suku pertama dan perancangan perolehan kementerian dipantau oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan pelaksanaan projek yang mengikut jadual;
- ii) Badan berkanun akan mempercepatkan pelaksanaan pelaburan yang telah dirancang. Dalam konteks ini, Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia (MCMC) akan membelanjakan anggaran sebanyak RM3 bilion pada tahun 2020 atas kerja berkaitan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP);

- iii) Agensi regulatori akan menggalakkan kerjasama awam swasta dan pelaburan swasta. Dalam hal ini, MESTECC akan membuka untuk bidaan pada tahun ini, kuota janakuasa solar sebanyak 1,400 MW yang akan menghasilkan pelaburan dianggarkan bernilai RM5 bilion; dan
- iv) Syarikat berkaitan Kerajaan akan memberi tumpuan kepada mempercepatkan perbelanjaan modal terutama kerja dengan kandungan tempatan yang tinggi. Sebagai contoh, TNB telah merancang perbelanjaan modal berjumlah RM13 bilion dan akan mempercepatkan pelaksanaan kerja berkaitan pemasangan lampu jalan LED, grid transmisi serta pemasangan panel solar di bumbung.

LANGKAH 25: KEMUDAHAN AUTOMASI DAN DIGITALISASI SME (ADF)

38. BNM akan menyediakan kemudahan automasi dan digitalisasi kepada SME berjumlah RM300 juta untuk menaiktaraf, memodenkan dan memperbaharui aset produktif mereka. Pembiayaan boleh digunakan untuk membeli peralatan, mesin, perkakasan dan perisian ICT (termasuk penyelesaian dan perkhidmatan IT) serta lain-lain aset *intangible* bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Kemudahan ini akan ditawarkan bagi tempoh sehingga 10 tahun untuk RM3 juta setiap SME. Pembiayaan akan ditawarkan pada kadar sehingga 3.75% dengan 80% jumlah pinjaman dijamin manakala yuran jaminan konsesi 0.5% melalui SJPP.

LANGKAH 26: DANA PELABURAN BERSAMA DI BAWAH SURUHANJAYA SEKURITI SEBANYAK RM500 JUTA

39. Bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta terutama nya berkaitan inovasi dan sumber pertumbuhan baharu, Kerajaan melalui Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) akan menyediakan dana pelaburan bersama sehingga RM500 juta seiring dengan pelaburan swasta pada peringkat permulaan dan fasa pertumbuhan syarikat Malaysia. Dana tersebut akan disalurkan secara padanan melibatkan

sekurang-kurangnya RM1.5 bilion dana persendirian. Melalui pelaburan bersama ini, Kerajaan berhasrat membantu merealisasikan potensi startup tempatan serta menarik lagi dana persendirian untuk melahirkan lebih banyak syarikat yang mempunyai kadar pertumbuhan tinggi.

LANGKAH 27: SURUHANJAYA SEKURITI DAN BURSA MALAYSIA AKAN MENGEQUALIKAN YURAN PENYENARAIAAN UNTUK SYARIKAT YANG INGIN TERSENARAI DALAM PASARAN LEAP ATAU ACE

40. Untuk terus menggalakkan syarikat yang berkembang mendapatkan dana melalui pasaran saham, kedua-dua Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia akan mengecualikan bagi tempoh 12 bulan, yuran penyenaraian bagi syarikat yang ingin tersenarai dalam pasaran LEAP atau ACE serta syarikat dengan modal pasaran kurang RM500 juta yang ingin tersenarai dalam papan utama.

LANGKAH 28: ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN BAGI MESIN DAN PERALATAN TERMASUK PERALATAN ICT

41. Untuk memberi insentif kepada perniagaan bagi membuat pelaburan pada tahun 2020, perbelanjaan modal ke atas mesin dan peralatan termasuk peralatan ICT yang layak akan diberi elaun modal dipercepatkan dan boleh dituntut dalam tempoh dua (2) tahun bagi perbelanjaan yang dibuat bermula 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

LANGKAH 29: POTONGAN CUKAI KHAS KE ATAS KOS UBAHSUAI DAN PEMBAIKAN

42. Bagi menggalakkan perniagaan untuk menjalankan pengubahsuaian dan pembaikan sebagai persediaan kepada peningkatan aktiviti ekonomi, kos ubahsuai dan pembaikan premis perniagaan sehingga RM300,000 akan diberi potongan cukai terhad kepada perbelanjaan yang layak bermula 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020.

LANGKAH 30: PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PERALATAN DAN MESIN UNTUK PENGENDALI PELABUHAN

43. Pengendali pelabuhan akan diberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas pengimportan atau pembelian tempatan mesin dan peralatan yang digunakan secara langsung untuk operasi pelabuhan bermula 1 April 2020 to 31 Mac 2023.

LANGKAH 31: AKTIVITI TAMBAH NILAI YANG DILAKSANAKAN DI GUDANG PENGILANG BERLESEN (LMW) DAN ZON PERINDUSTRIAN BEBAS (FIZ)

44. Proses kelulusan dan mudahcara LMW dan FIZ yang menjalankan aktiviti tambah nilai akan ditambahbaik dan dimudahkan di peringkat JKDM manakala senarai aktiviti yang diluluskan akan ditambah. Kelulusan ini berkuatkuasa bermula 1 April 2020.

LANGKAH 32: POTONGAN CUKAI BERGANDA UNTUK SYARIKAT PERKAPALAN ANTARABANGSA YANG MEMBUKA PEJABAT SERANTAU DI MALAYSIA

45. Syarikat perkapalan antarabangsa yang ditubuhkan dan menjalankan operasi perniagaan di Malaysia akan diberi potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan pra-permulaan bagi penubuhan pejabat serantau di Malaysia. Insentif ini terpakai bagi permohonan yang diterima oleh MIDA selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

IMPLIKASI KEWANGAN

46. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 melibatkan suntikan kepada ekonomi berjumlah RM20 bilion melalui sumber-sumber seperti berikut:

Dana	RM bilion
Kerajaan Persekutuan	
Projek-projek berskala kecil	2.0
Inisiatif lain (termasuk langkah cukai)	1.5
	<hr/>
	3.5
Dana Pinjaman	3.5
Sumber lain	13.0
Jumlah Keseluruhan	20.0

47. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 melibatkan perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM3.5 bilion. Dana pinjaman berjumlah RM3.5 bilion merujuk terutamanya kepada dana yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk pinjaman mudah. Sumber lain berjumlah RM13.0 bilion adalah termasuk suntikan pengurangan kadar caruman pekerja KWSP.

KESIMPULAN

48. Secara keseluruhan, pakej ekonomi ini telah dirangka bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dengan memacu penggunaan swasta yang lebih tinggi, meningkatkan barangan tempatan untuk menggantikan barangan import, bantuan kepada industri untuk mengharungi COVID-19 dan memelihara kesejahteraan rakyat. Dengan pelaksanaan pakej ini, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2020 diunjurkan dalam julat 3.2% hingga 4.2% dan defisit fiskal dianggarkan meningkat sedikit kepada 3.4% daripada KDNK. Langkah dalam pakej rangsangan tidak boleh mendatangkan impak yang diharapkan tanpa usaha bersama pihak swasta dan Agensi Kerajaan memainkan peranan secara strategik dalam kempen membangunkan negara dalam tempoh mencabar disebabkan oleh penyebaran virus dan suasana perdagangan global yang tidak menentu.

49. Memandangkan pakej rangsangan ini merangkumi langkah jangka pendek, sederhana dan panjang, satu laman web khusus telah disediakan untuk menyediakan kemas kini berkala tentang pelaksanaan langkah-langkah di bawah pakej rangsangan. Maklumat lanjut boleh didapati di www.treasury.gov.my/pre2020.